

10 MAY 1996

DR MAHATHIR HADIRI TAHLIL SEMPENA ULANGTAHUN UMNO

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri majlis Tahlil Perdana sempena sambutan ulang tahun ke-50 Umno di Masjid Negara di sini petang ini.

Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim dan para pemimpin tertinggi parti turut menyertai lebih 2,000 anggota Umno pada majlis itu.

Majlis itu dimulakan dengan solat hajat dan diikuti oleh solat asar, tahlil dan bacaan doa.

Ia diadakan sebagai tanda kesyukuran terhadap kelahiran serta kelangsungan hayat perjuangan Umno di negara ini selama setengah abad.

Selepas itu, Dr Mahathir, Anwar dan para pemimpin lain menziarahi pusara bekas dua Perdana Menteri Tun Abdul Razak Hussein dan Tun Hussein Onn serta bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Dr Ismail Datuk Abdul Rahman di Makam Pahlawan yang terletak di perkarangan masjid itu. -- BERNAMA

JM NMO